

Terbitan : *Sinar Harian*

Tarikh : 13/5/2023

M/S : 26

26 | NEGERI

P.PINANG • KEDAH

Cuba seludup ekstasi lebih RM78 juta

Rampasan dadah seberat 1,063.206 kilogram itu disifatkan yang terbesar

Oleh MOHD ISKANDAR
OTHMAN
BUTTERWORTH

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya mematahkan cubaan menyeludup dadah jenis ekstasi bernilai lebih RM78 juta di pintu masuk Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini, pada 6 Mei lalu.

Ketua Pengarah JKDM, Datuk Zazuli Johan berkata, dadah seberat 1,063.206 kilogram (kg) itu ditemui disembunyikan dalam 20 unit pepampat senyap yang telah diubah suai.

Menurutnya, kontena yang dibawa dari negara Eropah itu ditahan oleh Unit Narkotik, Bahagian Penguatkuasaan JKDM Pulau Pinang pada jam 9 pagi.

"Hasil pemeriksaan menemui sebahagian pepampat senyap yang telah diubah suai runtuk



Zazuli (tiga dari kiri) bersama pegawai kanan JKDM menunjukkan dadah ekstasi yang dirampas di Pelabuhan NBCT pada 6 Mei lalu.

menyembunyikan bungkus-bungkus berisi pil-pil ekstasi seberat 1,063,206 kg yang dianggarkan nilai pasaran melebihi RM78 juta.

"Hasil siasatan yang dijalankan, kita berjaya menahan seorang lelaki tempatan berusia 48 tahun yang bertindak sebagai ejen kepada kontena berkenaan," katanya pada sidang akhbar di Pejabat Bahagian Penguatkuasaan di sini, pada Jumaat.

Zazuli berkata, rampasan dadah berkenaan adalah yang paling terbesar di negara ini pada tahun ini.

Beliau berkata, siasatan masih lagi dijalankan bagi mengenal pasti pihak-pihak lain yang terlibat dalam pengimportan dadah secara besar-besaran ini.

"Suspek yang ditahan kini di-reman selama tujuh hari untuk tindakan lanjut.

"Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan sabit kesalahan boleh dihukum mati atau penjara seumur hidup dan tidak kurang daripada 15 sebatan rotan sekiranya tidak dikenakan hukuman mati," katanya.